

Johor siap sedia hadapi bah ketiga

KOTA TINGGI: Johor kini bersiap sedia bagi menghadapi gelombang banjir ketiga selepas hujan lebat dijangka turun bermula hari ini, hingga Ahad terutama di kawasan Johor Bahru dan daerah ini.

Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata beliau sudah mendapat maklumat daripada Bahagian Keselamatan Negara (BKN) dan Jabatan Meteorologi Malaysia yang mengesan kumpulan awam membawa hujan lebat di Laut China Selatan dan mula bergerak masuk ke kawasan Selatan negeri.

Serentak dengan itu, beliau sudah mengarahkan semua agensi kerajaan negeri, pusat dan keselamatan supaya meningkatkan tahap siap sedia bagi memindahkan mangsa dengan segera apabila banjir berlaku.

"Pada jam 12 tengah hari tadi (semalam), kita mengesan arus angin membawa awan hujan ke kawasan Selatan Johor, terutama di Johor Bahru dan Kota Tinggi," katanya ketika ditemui selepas mendengar Taklimat Banjir Daerah Kota Tinggi, di sini semalam.

Abdul Ghani berkata, antara sebab mengapa pergerakan angin itu masuk ke darat Selatan Johor kerana tekanan udara rendah di negeri ini, yang biasanya dialami di bahagian timur negara seperti Kelantan, Terengganu dan Pahang.